

[BERNAMA.com](#)[BERNAMA
TV](#)[BERNAMA
Radio](#)[BERNAMA
Images](#)[BLIS](#)[NewsLink5](#)[English](#) **Malay** [中文](#) [Arabic](#) [Español](#) [தமிழ்](#)



HERIOT
WATT
UNIVERSITY
UK | DUBAI | MALAYSIA

Scholarships & Bursaries

Explore Financial Assistance with Us

T&C apply



AM > BERITA

LHDN Terima Lebih 34 Juta e-Invois Sejak Dilaksanakan Ogos Lepas

🕒 24/09/2024 01:04 PM

KATA KUNCI[lhdn](#)[bernama radio](#)[cukai](#)[e-invois](#)[digital](#)**BERITA BERKAITAN**

**Jabatan Perikanan
Percepat
Digitalisasi
Perkhidmatan
Kurangkan
Kerenah Birokrasi**

🕒 23jam lalu



**AIGE Bukti
Komitmen
Kerajaan Wujud
Ekosistem
Teknologi Selamat,
Beretika - TPM
Fadillah**

🕒 5hari lalu



**Konsep Santai Dan
Moden Tarikan
Perpustakaan
Negeri Sembilan**

🏠 **Am** Ekonomi ▾ Jenayah & Mahkamah Politik Sukan Gaya Hidup Wilayah ▾ Dunia ▾ Laman Mikro ▾ Tentang BERNA

Penolong Pengarah Bahagian E-Invois Jabatan Operasi Cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Jaffar Tukiran

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Lebih 34 juta e-Invois diterima Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) daripada pembayar cukai sejak sistem itu mula dilaksanakan 1 Ogos lepas.

Penolong Pengarah Bahagian E-Invois Jabatan Operasi Cukai LHDN Jaffar Tukiran berkata sambutan itu merupakan perkembangan positif kerana ia mencerminkan pembayar cukai di negara ini menyokong dan patuh kepada pelaksanaan e-Invois.

"Malah yang lebih membanggakan ialah jumlah tersebut meliputi pembayar cukai fasa pertama, kedua, ketiga. Maksudnya ada (pembayar cukai) yang sudah melaksanakannya awal sebelum fasa mereka.



**Thailand Siasat
Laporan
Pencemaran
Kadmium Dalam
Eksport Durian Ke
China**

🕒 1lalu



**Bekas Pengetua
Asrama Akhlak
Didakwa Salah
Guna Wang Lebih
RM43,000**

🕒 7minit lalu



**Pertumbuhan Aset
Kewangan
Malaysia Kukuh
Pada 2023 Dipacu**





Sektor Insurans Dan Pencen - Allianz

🕒 11minit lalu

“Sambutan yang diterima sangat baik. Malah kami juga sangat teruja sebab angka itu setiap masa meningkat. Ini satu perkara yang membanggakan. Pembayar cukai sangat menyokong dan sangat patuh kepada pelaksanaan e-Invois ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menjadi tetamu dalam rancangan Klinik Cukai terbitan Bernama Radio yang membincangkan topik ‘Pematuhan Cukai Dalam Era Digital’.

Fasa pertama pelaksanaan e-Invois membabitkan syarikat besar dengan perolehan jualan tahunan melebihi RM100 juta manakala fasa kedua bakal bermula 1 Jan tahun hadapan membabitkan pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan antara RM25 juta hingga RM100 juta.



Bagi fasa ketiga bermula 1 Julai tahun hadapan, pelaksanaan e-Invois bakal diwajibkan kepada semua kategori pembayar cukai.

Terdahulu ketika bersiaran, Jaffar berkata LHDN sedar wujud kerisauan dalam kalangan pembayar cukai berhubung keselamatan data mereka dan sejauh mana sistem yang disediakan selamat untuk digunakan.

Namun katanya LHDN sentiasa komited dalam memastikan keselamatan data pelanggan justeru pembayar cukai dinasihatkan supata tidak risau berhubung perkara itu.

“LHDN mempunyai pengalaman dalam menyediakan e-perkhidmatan kepada pembayar cukai. LHDN juga ada pengalaman lebih 20 tahun menyediakan e-pemfailan kepada pembayar cukai. Kita akan menggunakan semua pengalaman yang ada untuk memastikan semua data yang dihantar pembayar cukai adalah selamat.

“(Selain itu) LHDN juga tertakluk kepada peraturan dan panduan yang disediakan kerajaan. Malah dalam LHDN sendiri juga kami ada garis panduan keselamatan ICT (Teknologi Informasi dan Komunikasi) yang perlu dipatuhi. Kami juga akan diaudit berkaitan ISO dan sebagainya,” katanya.

-- BERNAMA

MIHAS 2024, the World's Largest Halal Showcase, returns for its 20t...



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

☎ [klik di sini]
✉ [helpdesk\[at\]bernama.com](mailto:helpdesk[at]bernama.com)



BERNAMA - LHDN Terima Lebih 34 Juta e-Invois Sejak Dilaksanakan Ogos Lepas

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Gaya Hidup
- Politik
- Dunia
- Infografik
- Video
- Siaran Media Eksklusif
- Arkib

- SUKMA 2024
- HKHM 2024
- Olimpik Paris 2024
- Daulat Tuanku
- HAWANA 2024
- Fokus BERNAMA
- Tinta Minda
- Belanjawan 2024
- Kesihatan
- Tenaga
- MAPO
- MCMC

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Tentang BERNAMA

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Perkhidmatan BERNAMA
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender